

NO. SOALAN : 401

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

SOALAN :

YB. Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan yang dilakukan oleh Kementerian untuk memajukan kawasan pelancongan di Kuala Sepetang, Pulau Sangga dan Pulau Pasir Hitam yang kaya dari segi habitat dan hutan bakau.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM9.48 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan RM32.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi program pembangunan pelancongan di Negeri Perak.

Bagi program pembangunan ekopelancongan di Perak, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM1.33 juta dibawah RMKe-11 dan RMKe-10. Sebagai usaha memajukan sektor ekopelancongan, Kementerian telah mewujudkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016–2025. Dalam Pelan tersebut, terdapat empat (4) kluster ekopelancongan di Perak, dan salah satunya adalah Kluster Taiping-Kuala Sepetang-Batu Kurau-Bukit Merah. Pelan ini akan membantu kluster berkenaan menjadi sebuah produk ekopelancongan yang mapan.

Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat demi memajukan produk ekopelancongan di kawasan tersebut. Bagi tujuan tersebut, pihak Kerajaan Negeri Perak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) boleh mengemukakan cadangan pembangunan kepada Kementerian untuk dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih.